

Terima	Wasit	Muatnaik e-Jurnal
15 MAC 2022	11 MEIY 2022	31 MEI 2022

Pembinaan Sosial Gender Kanak-Kanak

Social Construction of Children's Gender

Nur Azwani bt Mansor @ Noordin¹, Noor Hisham Md Naw²

ABSTRAK

Gender adalah suatu pembinaan sosial dalam sesebuah masyarakat yang dipengaruhi oleh keadaan sosial, budaya, ekonomi, agama dan politik. Konstruk atau pembinaan sosial adalah bergantung kepada persepsi dan tanggapan masyarakat tentang sesuatu hal, keadaan atau fenomena. Konsep gender merupakan fenomena sosial yang bersifat relatif dan kontekstual kerana sentiasa mengalami perubahan dari masa ke semasa. Ini kerana ia merangkumi nilai-nilai kepercayaan yang didasari agama, norma dan adat budaya. Konsep awal tentang pembentukan gender berlaku seawal kanak-kanak lagi dan bersifat fleksibel kerana gender boleh dipelajari dari orang dewasa dan juga persekitaran. Dalam kerangka perbincangan tentang kosep gender, kajian ini menyasarkan satu objektif utama iaitu untuk menjelaskan bagaimana gender berinteraksi dengan kekuatan elemen-elemen sosial lain dalam masyarakat dalam mempengaruhi pembentukan dan perkembangan gender kanak-kanak. Metodologi kajian adalah berasaskan pendekatan kajian kualitatif dalam bentuk kajian kepustakaan. Data-data kepustakaan diperolehi dari buku dan artikel ilmiah, tesis, rencana majalah dan sebagainya. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan yang meliputi proses induktif, deduktif dan sintesis dalam meneliti elemen-elemen tersebut. Secara tuntasnya, kajian ini mendapati terdapat beberapa elemen sosial yang berinteraksi dengan konsep gender dalam membentuk dan membangunkan gender kanak-kanak. Antaranya ialah identiti gender, stereotaip gender, ciri maskulin dan feminin, peranan gender dan perbezaan gender. Elemen-elemen tersebut berlaku secara berperingkat dan mempengaruhi tanggapan tentang gender apabila kanak-kanak dewasa kelak. Oleh yang demikian, peranan perbezaan gender menjadi selari dengan kehendak sosial, adat budaya dan persepsi masyarakat serta dapat diimplimentasikan dengan jayanya tanpa konflik dalam sesebuah masyarakat.

Kata Kunci: *Konsep Gender; Pembinaan Sosial; Peranan Gender; Identiti Gender; Steretaip Gender.*

ABSTRACT

Gender is a social construction in a society that is influenced by social, cultural, economic, religious and political conditions. Social construct depends on the perception and response of society about a thing, situation or phenomenon. The concept of gender is a social phenomenon that is relative and contextual because it is constantly changing over time. This is because it encompasses the values of beliefs based on religion, norms and cultural customs. Early concepts of gender formation occur during early childhood and are flexible because it can be

¹ Nur Azwani bt Mansor @ Noordin, calon Phd dibawah Fakulti Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan. Pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Peti Surat 68, Km 12, Jalan Kuala Krai, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan.

² Noor Hisham Md Naw, Phd, Pensyarah Kanan di Fakulti Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg Berkunci 01, 16300 Bachok, Kelantan Darul Naim, hisham@umk.edu.my

learned from adults as well as environment. In the framework of the discussion of the gender concept, this study aims at one main objective which is to explain how gender interacts with the strength of other social elements in society in influencing the formation and development of children's gender. The research methodology is based on a qualitative research approach in the form of a literature review. Library data is obtained from books and scientific articles, theses, magazine articles and so on. The data obtained were analyzed using content analysis methods that include inductive, deductive and synthesis processes in examining the elements. Thoroughly, this study found that there are several social elements that are interact with the concept of gender in the formation and development of children's gender. Among them are gender identity, gender stereotypes, masculine and feminine characteristics, gender roles and gender differences. These elements occur in stages and affect perception about gender when children grown up. Thus, the role of gender differences becomes parallel with social needs. Cultural customs and perceptions of society as well as can be implemented sucessfully without conflict in a society.

Keywords: *Concept of Gender; Social Construct; Gender Roles; Gender Identity; Gender Stereotaip.*

Pendahuluan

Pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak dalam pelbagai aspek adalah fasa yang amat penting dan genting kerana fasa tersebut dilalui dengan sangat pesat. Aspek-aspek sosial kehidupan kanak-kanak adalah cenderung kepada pembentukan identiti, hubungan timbal balik dan juga gender. Secara tidak langsung, kanak-kanak turut terlibat dalam pembinaan sosial dalam sesebuah masyarakat.

Pembinaan sosial adalah suatu proses interaksi dan tindakan secara terus menerus, suatu realiti yang dimiliki dan dialami bersama melalui pemahaman secara objektif dan subjektif. Realiti sosial merupakan sesuatu yang tersirat dalam pergaulan yang dieskspresikan secara sosial melalui komunikasi, bahasa, kerja, organisasi sosial dan sebagainya (Berger, Peter L. & Luckman, T., 1996).

Dalam konteks gender, pembinaan sosial berlaku apabila nilai peranan dan tingkah laku yang berkaitan lelaki dan juga perempuan dikenal pasti dan dianalisis berdasarkan jangkaan dan nilai budaya sesebuah masyarakat. Analisis nilai tersebut menunjukkan tingkah laku yang ideal untuk lelaki dan perempuan serta peranan dan tanggungjawab mereka yang berbeza dalam kumpulan sosial. Maka, dalam memahami ciri dan sifat antara lelaki dan perempuan, aktiviti sosial yang dilakukan antara dua gender tersebut ditakrifkan semula untuk menjadikan nilai pemahaman tentang gender lebih jelas (Moore, 1988).

Pada dasarnya pertumbuhan dan perkembangan gender kanak-kanak berlaku sejak lahir lagi. Kanak-kanak seharusnya diperkenalkan, dibimbing, dididik dan diberi pemahaman tentang konsep gender sejak kecil lagi. Kekeliruan dan ketidak fahaman yang jelas tentang istilah-istilah tertentu yang berkaitan dengan konsep gender juga menyebabkan munculnya beberapa isu yang berkaitan seperti kecelaruan, ketidakadilan, penyelewengan dan ketidakseimbangan peranan gender. Justeru itu, kosep gender dan proses sosialisasi gender yang berlaku dalam perkembangan kanak-kanak seharusnya ditekankan agar pembentukan gender selari dengan pembinaan sosial dalam sesebuah masyarakat.

Konsep Gender

Istilah seks, jantina dan gender adalah tiga istilah yang lazim kita anggap sama. Ketiga-tiga istilah tersebut membawa maksud jenis kelamin manusia yang membezakan sifat perempuan dan lelaki iaitu sifatnya mutlak dan harus diterima sebagaimana sepatutnya. Definisi istilah gender dan seks adalah dua kosa kata yang membawa maksud yang berbeza tetapi disinonimkan dengan jantina yang menyebabkan kekeliruan. Secara umumnya, terdapat tiga perbezaan utama antara lelaki dan perempuan iaitu dari aspek organ seks, fungsi reproduktif dan kekuatan fizikal (Jarrah Mohd Jan, 2003). Perbezaan tersebut mewujudkan perbezaan peranan dan fungsi setiap lelaki dan perempuan yang dibentuk di zaman kanak-kanak lagi.

Menurut Ruzy Suzila Hashim (2006), perkataan seks merujuk kepada ciri-ciri fisiologi yang membezakan antara lelaki dan perempuan. Oleh yang demikian, seseorang itu diklasifikasikan sebagai lelaki dan perempuan berdasarkan kepada ciri-ciri fisiologi yang ada pada diri yang ditentukan oleh biologi (*biological determinism*). Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah mengemukakan definisi yang jelas untuk membezakan antara seks dan jantina. Seks merujuk kepada biologi atau genetik sama ada lelaki atau perempuan. Jantina pula ialah perkataan teknikal merujuk kepada psikologi atau ciri-ciri tingkah laku berkaitan dengan lelaki atau perempuan. Identiti jantina pula ialah menerangkan kepercayaan atau perasaan seseorang berdasarkan organ seks yang diciptakan, kebolehan membezakan antara lelaki dan perempuan serta mengenal pasti status jantina sama ada lelaki atau perempuan. Peranan jantina pula ialah merujuk kepada penerimaan tingkah laku, sikap dan personaliti yang diwarisi untuk membezakan sifat lelaki dan perempuan (Hatta Saidi, 2013). Perbezaan dari sudut gender pula ialah fungsi peranan sosial yang dikonstruksi atau dibentuk oleh masyarakat yang seterusnya menentukan peranan dan tanggungjawab lelaki dan perempuan. Justeru itu, gender dilihat sebagai istilah yang lebih luas, kompleks dan menyeluruh (Graddol, D. & Swann, J., 1989).

Istilah gender adalah berasal dari bahasa Latin *gener* yang bermaksud *race* atau *kind*. Bahasa Perancis mengambil perkataan ini dari bahasa Latin dan menggunakan perkataan *gendre genre* yang membawa maksud *kind*, *genus* dan *style* (Castelli & Rodman, 2001). Istilah ini diperkenalkan oleh Robert Stroller pada tahun 1968 dan kemudian dikembangkan oleh Ann Oakley pada tahun 1972 (Riant Nugroho, 2005). Kemudian istilah gender ini digunakan dalam bahasa Inggeris terutama dalam bidang psikoanalisis yang membawa maksud jenis kelamin atau jantina (Skeat, 1993). Pada tahun 2005, perkataan gender dibawa masuk dalam daftar leksikon oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Secara literalnya gender dalam Bahasa Melayu membawa maksud jantina ataupun diklasifikasikan sebagai seksual (Noresah, 2005).

Berdasarkan Manual Mengenai Baget Gender di Malaysia (2006), gender merujuk kepada perbezaan peranan dan tanggungjawab antara lelaki dan perempuan dari sudut sosial yang disampaikan oleh masyarakat daripada kumpulan sosial yang berlainan. Manakala jantina pula merujuk kepada perbezaan lelaki dan perempuan dari sudut biologi dan ianya adalah sesuatu yang tetap, tidak berubah, tidak merentasi masa, negara dan budaya.

Pengenalan konsep gender kepada anak-anak adalah berbeza dengan pengenalan jenis kelamin. Ini kerana kedua istilah ini adalah berbeza. Gender bukan sahaja dipengaruhi oleh biologi tetapi juga oleh faktor-faktor lain seperti anggapan masyarakat terhadap tingkahlaku atau sifat maskulin dan feminine. Selain itu peranan lelaki dan perempuan yang digambarkan oleh budaya dalam sesebuah masyarakat juga adalah gender. Gender juga dilihat sebagai suatu dasar atau asas untuk membezakan lelaki dan perempuan yang ditentukan oleh pengaruh faktor budaya dan kehidupan bermasyarakat. Perbezaan ini dapat dilihat dari segi nilai, tingkah laku, pemikiran, karakter, sifat dan juga emosi yang berkembang dalam masyarakat (Wilson, 1989).

Dengan kata lain, gender ialah satu status yang dapat dicapai dan dibentuk melalui proses budaya, psikologi dan sosial dalam masyarakat. Gender perlu difahami, berperaturan, tersusun, bersistem dan dicapai melalui proses yang berulang-ulang. Dalam sesebuah masyarakat, konsep gender dilihat suatu perkara yang penting yang dipengaruhi oleh institusi-institusi sosial seperti agama, keluarga dan undang-undang. Interaksi-interaksi yang berlaku dalam institusi-institusi sosial tersebut memisahkan peranan dan tugas lelaki dan perempuan. Secara tidak langsung struktur-struktur sosial tersebut memberi makna khusus kepada sifat-sifat yang perlu ada pada seseorang lelaki atau perempuan (West & Zimmerman, 1987).

Proses Sosialisasi Gender

Proses sosialisasi berlaku dalam dua fasa dan dilakukan oleh dua agen iaitu sosialisasi primer dan sosialisasi sekunder (Berger & Luckman, 1967). Agen bagi sosialisasi primer ialah ibu bapa dan ahli keluarga terdekat, manakala agen bagi sosialisasi sekunder ialah rakan-rakan, institusi pendidikan, media masa, persekitaran dan masyarakat setempat. Proses sosialisasi sama ada primer atau sekunder tidak boleh berjalan dengan baik dan lancar sekiranya tiada individu-individu atau kumpulan individu yang membantu dan mewakili masyarakat dalam menjalankan aktiviti sosialisasi. Ini dipanggil pihak pertama iaitu pihak yang mensosialisasikan atau yang berperanan membentuk, manakala pihak kedua dipanggil pihak yang disosialisasikan iaitu pihak yang menerima dan mempraktikkan aktiviti sosialisasi (Ihrom, 2004).

Menurut Nandyose et al. (2018) sosialisasi gender kanak-kanak berlaku apabila mereka mempelajari norma, sikap dan jangkakan masyarakat tentang gender. Kanak-kanak belajar bagaimana mereka sepatutnya berkelakuan, apakah peranan mereka pada masa hadapan dan bagaimana mereka dinilai mengikut perbezaan jantina. Kanak-kanak mempelajari semua itu sejak lahir lagi daripada ibu bapa, keluarga atau penjaga, pendidik dan orang dewasa lain sekelilingnya. Kanak-kanak belajar melalui pemodelan peranan dan tingkah laku yang berbeza antara lelaki dan perempuan. Antaranya ialah perbezaan layanan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan, aktiviti yang lebih spesifik atau khusus mengikut jantina, perbezaan cara komunikasi dan mengikut jangkakan yang sepatutnya lelaki dan perempuan bertindak balas. Selain pemodelan dari orang dewasa, kanak-kanak juga belajar mengenai perkara-perkara yang membezakan lelaki dan perempuan sebagai persediaan untuk menuju kehidupan orang dewasa.

Situs Resmi (2003) berpandangan cara atau kaedah yang boleh digunakan untuk mensosialisasikan gender kanak-kanak di dalam keluarga dan seterusnya dalam masyarakat dan ianya digelar “memasyarakatkan gender”. Istilah “memasyarakatkan gender” ini selari dengan proses yang telah diistilahkan oleh Mead (1934) sebagai “*takes the role of the generalized other proses*” iaitu kanak-kanak memiliki peranan sendiri sebagaimana orang lain. Mead juga menyatakan bahawa generalisasi adalah proses pembentukan identiti diri yang muncul dan seterusnya berkembang dalam interaksi sosial. Terdapat tiga tahap dalam proses perkembangan dan pembentukan diri iaitu peringkat persiapan (*the preparatory stage*), peringkat main (*the play stage*) dan peringkat permainan (*the game stage*) (Kendell, 2010).

Peringkat pertama iaitu peringkat persiapan yang berlaku ketika kanak-kanak berumur lebih kurang 3 tahun iaitu pada tahap peniruan dengan meniru tingkah laku orang-orang di sekelilingnya. Sebagai contoh anak perempuan akan cenderung untuk meniru tingkah laku ibunya yang lemah lembut, manja dan bersolek tetapi tidak memberi sebarang makna pada dirinya dan hanyalah sekadar meniru apa yang orang di sekelilingnya lakukan. Pada peringkat ini kanak-kanak bersiap sedia untuk mengambil peranan dan mula mengenal bahawa ada orang lain selain dirinya dalam dunia dia (Mead, 2009).

Pada peringkat kedua iatu peringkat main, kanak-kanak berumur 3 hingga 5 tahun belajar menggunakan bahasa, simbol dan makna terhadap tingkah laku yang dilakukan. Kanak-kanak hanya mengikuti sahaja peranan yang dilakukan oleh orang lain dan belum memiliki konsep sendiri. Tahap ini adalah tahap yang agak genting kerana berlakunya proses peralihan watak, sifat dan tingkah laku dari luar ke dalam diri kanak-kanak dalam pembentukan keperibadian. Proses ini disebut mengambil peranan orang lain (*taking the roles of other*) (Mead, 2009).

Pada peringkat ketiga iaitu peringkat permainan, ia bermula ketika kanak-kanak menginjak masuk ke sekolah rendah. Kanak-kanak sudah memahami peranan sosial mereka dan juga peranan sosial orang lain di sekitarnya. Pada tahap ini, kanak-kanak dapat mengkonseptualisasikan dirinya secara keseluruhan. Sebagai contoh kanak-kanak mampu menentukan tindakan apa yang sepatutnya dilakukan dalam kelompoknya. Kanak-kanak merasakan dirinya adalah sebahagian dari kelompok masyarakat kerana sudah memahami nilai dan norma, tuntutan dan harapan serta sub budaya yang berlaku di dalam masyarakat (Mead, 2009).

Oleh yang demikian, pembentukan gender kanak-kanak berlaku secara berperingkat dan melalui beberapa fasa yang dipengaruhi oleh konsep gender. Gender ditentukan melalui interaksi sosial dalam situasi sosial tertentu dan juga interaksi antara elemen-elemen penting yang lain seperti pembelajaran identiti, stereotaip, pembentukan sifat maskuliniti dan femininiti, mengetahui peranan dan melaksanakan perbezaan peranan gender. Justeru itu, gender adalah suatu pembinaan sosial dalam sesebuah masyarakat yang dilalui oleh setiap individu termasuklah kanak-kanak. Maka proses tersebut seharusnya difahami dan dilaksanakan dengan berkesan oleh agen-agen sosialisasi agar tidak berlaku kepincangan dan kekeliruan gender.

Analisis Kajian

Elemen-Elemen dalam Konsep Gender

Gender merupakan suatu konsep yang digunakan bagi mengenalpasti identiti, perilaku dan peranan lelaki dan perempuan dari aspek bukan biologi. Justeru, ia berbeza dengan seks, dan jantina yang secara umumnya dikenali dan dibezakan berdasarkan aspek biologi (Janu Arbain, Nur Azizah & Ika Novita Sari, 2015). Pembentukan gender yang berlaku pada setiap fasa kehidupan individu merupakan proses pertumbuhan dan perkembangan secara berperingkat yang melalui elemen-elemen tersebut yang terkandung dalam konsep gender.

a) Identiti Gender

Menurut American Psychological Association (2015), istilah identiti gender secara terminologi ialah seseorang individu yang merasakan diri dan perasaan dalamannya sebagai seorang lelaki atau perempuan atau alternatif gender (tidak pasti), yang bersesuaian atau tidak sesuai dengan kejadian dan ketentuan seks atau jantina semasa lahir. Identiti gender lebih ditujukan kepada apa yang dirasakan oleh seseorang, contohnya walaupun seseorang itu mempunyai alat kelamin lelaki tetapi dia merasakan dirinya seorang perempuan, maka identiti gendernya adalah perempuan. Ia juga adalah keadaan psikologi yang mencerminkan perasaan seseorang sebagai lelaki atau perempuan dalam diri yang dipanggil '*inner sense*' dan juga refleksi perasaan dalaman tentang menjadi lelaki atau perempuan (Hurlock, 2009).

Pembentukan identiti gender bergantung kepada perkembangan kognitif. Kanak-kanak memerlukan pemahaman tentang gender sebelum mereka dipengaruhi oleh pengalaman sosial dan aktif bersosial. Namun menurut teori *pschoanalytic* dan *social learning* ibu bapa

menggalakkan kanak-kanak belajar melakukan perkara-perkara yang biasa dilakukan oleh kanak-kanak lelaki atau perempuan. Kemudian mereka belajar mengenali dan meniru orang disekeliling yang sama jenis jantina dengan mereka untuk dijadikan model dan disitulah mereka mendapat kestabilan identiti gender. Kestabilan identiti gender pula ialah tahap di mana kanak-kanak mengenali bahawa gender adalah tetap dan tidak berubah-ubah dari semasa ke semasa. Sebaliknya Kohlberg berpendapat, kanak-kanak perlu membina identiti gender yang stabil terlebih dahulu sebelum aktif bersosial, mencari informasi dan maklumat serta meniru model sama jantina di persekitaran mereka untuk belajar bagaimana menjadi kanak-kanak lelaki atau perempuan (Kohlberg, 1966).

Kanak-kanak mula mengenal gender dari identiti gender iaitu bagaimana cara mereka memandang diri sendiri sebagai lelaki atau perempuan. Sejak lahir lagi bayi sudah mengetahui identiti jenis kelaminnya dan kesedaran tentang identiti gender bermula pada tahun pertama kehidupan mereka. Ketika berumur 2 atau 3 tahun, kanak-kanak boleh mengenal diri mereka sama ada sebagai lelaki atau pun perempuan. Mereka mula memerhatikan semua orang baik lelaki atau perempuan yang tinggal bersama di rumah atau yang berada di sekeliling. Pada masa tahap umur 0 hingga 3 tahun pengaruh persekitaran dan biologi sangat kuat, sehinggakan pengenalan identiti gender yang dialami kanak-kanak menjadi sangat teguh dan susah untuk berubah (Nur Azizah, 2014). Oleh sebab itulah ibu bapa dan orang sekeliling berperanan membantu kanak-kanak mengenal identiti gendernya secara jelas supaya mereka tidak keliru kerana perkembangan tumbesaran berlaku dengan pesatnya.

Nur Azizah (2014) menyatakan terdapat juga ibu bapa memperkenalkan identiti gender yang berlawanan dengan identiti seksual, lalu menyebabkan anak-anak menjadi keliru dalam proses mengenali gender mereka. Sebagai contoh, ibu bapa yang memperlakukan anak lelaki seperti anak perempuan kerana berkeinginan untuk memiliki anak perempuan. Anak lelaki dipakaikan baju perempuan, dibelikan mainan anak patung, permainan masak-memasak dan dilayan seperti anak perempuan. Begitulah sebaliknya, anak perempuan diperlakukan seperti anak lelaki kerana berkeinginan memiliki anak lelaki. Anak perempuan dipakaikan pakaian seperti lelaki, dibelikan mainan seperti kereta, membuat potongan rambut pendek dan dilayan seperti kanak-kanak lelaki.

Newman (2002) turut menyatakan bahawa identiti gender kanak-kanak menjadi tetap antara usia 18 bulan hingga 5 tahun. Kanak-kanak mampu mengembangkan identiti gender dengan membuat perbandingan tubuh mereka dengan orang lain dan berdasarkan bagaimana mereka dibesarkan. Terdapat beberapa teori perkembangan yang membincangkan tentang identiti gender antaranya ialah teori belajar sosial dan teori perkembangan kognitif.

Teori pembelajaran sosial percaya bahawa kanak-kanak bertindak atau bertingkah laku mengikut cara gender tertentu melalui pemodelan dan penguatan sebelum mereka mampu mengenal diri mereka mengikut jantina. Setelah kanak-kanak mampu mengembangkan tahap pemikiran ke peringkat yang lebih tinggi, maka mereka akan meniru dan menjadikan ciri-ciri tingkah laku gender tersebut sebagai identiti mereka sendiri. Manakala teori perkembangan kognitif percaya bahawa setelah kanak-kanak belajar bahawa seks adalah tetap, tidak berubah dan di pengaruhi oleh faktor biologi, maka mereka membimbing tingkah laku sendiri ke arah seks yang sesuai. Oleh itu, pembentukan identiti gender ini kuat dipengaruhi oleh persekitaran (Newman, 2002).

Perkembangan identiti gender ini berlaku melalui proses penyatuan informasi dari masyarakat dan juga persepsi yang ada pada diri kanak-kanak tentang dirinya sebagai anak lelaki atau perempuan. Ianya juga berkait rapat dengan konsep sendiri iaitu manusia bertindak dan bertingkah laki berlandaskan identiti gender. Dengan kata lain, identiti gender merujuk kepada siapakah diri kita dari segi jantina.

b) Stereotaip Gender

Setelah identiti gender dikenalpasti serta peranan dan tingkah laku yang bersesuaian dipelajari, maka stereotaip gender pula mengambil tempat dalam masyarakat. Ini berlaku kerana setiap masyarakat memegang beberapa kepercayaan mengenai apa yang sesuatu jantina harus lakukan dan apa yang tidak. Menurut Browne (1998) stereotaip ialah kepercayaan umum mengenai ciri-ciri seperti tingkah laku dan psikologi lelaki dan perempuan yang berkaitan dengan seks dan peranan jantina.

Perkataan stereotaip adalah berasal dari gabungan dua perkataan iaitu *stereos* yang membawa maksud padat atau tegas dan *type* yang bermaksud model (Schneider, 2004). Stereotaip adalah persepsi atau kepercayaan yang dianuti mengenai seseorang individu atau kelompok manusia yang berdasarkan pendapat dan sikap yang terdahulu terbentuk. Kepercayaan dan keyakinan ini biasanya menimbulkan penilaian yang cenderung negatif dan merendahkan individu atau kelompok yang dinilai (Samovar, Porter, & McDaniel, 2007).

J. Dwi Narwoko & Bagong Suyanto (2009) berpendapat stereotaip adalah pelabelan terhadap pihak atau kelompok tertentu yang biasanya mengakibatkan kerugian pihak lain serta menimbulkan ketidakadilan. Matsumo (2004) pula menyatakan stereotaip sebagai generalisasi kesan yang kita miliki mengenai seseorang individu terutamanya sifat keperibadian atau ciri psikologi. Selari dengan pandangan Mohd Anuar Ramli (2010) yang menghuraikan stereotaip merupakan pelabelan terhadap suatu kelompok yang mengakibatkan kerugian dan sekaligus menimbulkan ketidakadilan. Dalam konteks gender, beliau mengembangkan pandangan stereotaip gender melalui satu keyakinan tafsiran keagamaan. Dalam tulisannya, banyak stereotaip gender yang dikaitkan dengan sifat semulajadi perempuan yang direndahkan atau dipandang negatif kerana adanya pembinaan stereotaip gender masyarakat Islam yang bersumberkan tafsiran keagamaan. Contohnya, perempuan dianggap sebagai penggoda dan menjadi punca Adam diturunkan ke bumi. Perempuan juga dianggap kurang daya ingatan, mempunyai tahap akal yang rendah dan lebih beremosi dan kurang rasional berbanding lelaki.

Stereotaip lelaki dan perempuan dalam sesebuah masyarakat adalah berbeza mengikut acuan, amalan dan peranan gender yang telah dipelajari serta diikuti sejak turun temurun lagi (Saravanan P. Veeramuthu & Manonmani Devi M.A.R Annamalai, 2019). Stereotaip ini juga adalah garis panduan yang telah dibina oleh masyarakat bagi membezakan ciri-ciri maskulin dan feminin. Antara contoh stereotaip sifat lelaki yang telah dilabelkan oleh masyarakat adalah seperti berdikari, agresif, berdaya saing, berorientasi ke luar, inovasi, berdisiplin, tegas, tenang, aktif, analitis, berani, objektif, tidak sentimental, sensasi dan boleh memimpin. Perempuan pula dilabelkan bersifat bergantung, lembut, pasif, tidak berdaya saing, tidak agresif, subjektif, mudah menyerah, emosi, percaya pada naluri dan tidak berani mengambil risiko (Soenarjati Djajanegara, 1995). Jika diteliti pada stereotaip gender tersebut, sifat-sifat maskulin lebih superior dan perempuan menjadi inferior dan berada pada tingkat atau tahap yang lebih rendah.

Bagi kanak-kanak pula, pengalaman sosialisasi memainkan peranan yang penting dalam stereotaip gender. Sebagai contoh, kanak-kanak yang memasuki sekolah tadika biasanya didedahkan dengan banyak aktiviti yang berkaitan untuk menjadi lelaki atau perempuan. Pada usia 5 tahun, kanak-kanak sudah boleh mengenali stereotaip gender seperti lelaki adalah seorang yang kuat, tetapi dalam istilah negatif adalah seorang yang jahat, manakala perempuan adalah seorang yang baik hati dalam istilah positif. Namun pada usia 7 hingga 8 tahun, pengenalan stereotaip gender menjadi semakin luas bagi mereka kerana pada tahap ini, kanak-kanak tidak mengenali kepelbagaian individu dalam aspek maskuliniti dan femininiti (Santrock, 2009).

Namun apabila kanak-kanak meningkat awal remaja, stereotaip gender semakin meningkat dan dihayati apabila mencapai baligh. Kebiasaannya remaja lelaki dan perempuan

menjadi keliru dan bingung tentang apa yang terjadi dengan tubuh badan dan diri mereka. Oleh itu, bagi memenuhi tuntutan stereotaip gender dalam budaya, maka remaja lelaki cuba menjadi lelaki yang sebaik mungkin yang mempunyai ciri-ciri kekelakian. Manakala remaja perempuan cuba menjadi perempuan yang sebaik mungkin yang mempunyai ciri-ciri keperempuanan (Fatimah Saguni, 2014).

Penilaian tentang stereotaip ini boleh menjadi positif atau negatif berdasarkan cara seseorang itu memahami ciri-ciri tertentu kumpulan individu atau sesuatu perkara. Ia juga adalah berdasarkan persepsi terhadap kelompok manusia iaitu individu-individu di dalam kelompok tersebut dikategorikan mengikut tanggapan dan pentafsiran yang dihasilkan berdasarkan latar belakang, budaya dan komunikasi dengan pihak lain yang bukan dari sumbernya secara langsung. Stereotaip itu biasanya digeneralisasikan kepada semua individu yang berada dalam kelompok atau kumpulan yang ditafsirkan mempunyai suatu ciri tertentu serta mengakui ciri-ciri tersebut dan mengabaikan ciri yang lain yang tidak berkaitan.

Oleh itu, stereotaip gender berlaku akibat dari proses sosialisasi yang didasari dari persepsi masyarakat sejak turun temurun. Ia juga membentuk konsep dari perwatakan sosial dan budaya masyarakat dalam melabel identiti kumpulan sosial melalui perwatakan sikap dan tingkahlaku ahli masyarakat. Akhirnya stereotaip gender ini membentuk masyarakat yang mempunyai sifat kekelakian dan keperempuanan berdasarkan perbezaan sistem biologi dan pengenalan jantina manusia yang dipanggil maskuliniti dan femininiti.

c) Sifat Maskulin dan Feminin

Istilah maskulin dan feminin ini digunakan untuk menggambarkan ciri-ciri gender, walaubagaimanapun tafsiran definisi sifat-sifat tersebut juga dipengaruhi oleh faktor biologi. Sebagai contoh, peranan kaum lelaki dalam kebanyakan budaya ialah sebagai pelindung keluarga dan mencari nafkah, ianya adalah berdasarkan ciri-ciri fizikal lelaki yang kuat dan gagah yang menjadi alat pengukur maskulin seseorang lelaki (Macnamara, 2006).

Ciri maskulin dan feminin merupakan identiti gender seseorang dalam masyarakat tertentu yang merujuk kepada sejauhmanakah individu tersebut melihat diri mereka sebagai maskulin atau feminin iaitu berdasarkan apa yang dimaksudkan untuk menjadi seorang lelaki atau seorang perempuan. Contohnya lelaki adalah pencari nafkah kepada keluarga (*bread-winner*) yang digambarkan mempunyai ciri kekelakian seperti bertubuh sasa dan juga kuat fizikal. Stereotaip wanita pula yang dilambangkan dengan mempunyai ciri kewanitaan iaitu beremosi, mempunyai tubuh badan yang langsing dan menarik serta bersifat penyayang (Stets & Burke, 2000).

Margaret Mead dan Simone de Beauvoir dalam Mitchell, (2000) menyatakan bahawa sifat maskulin dan feminin yang ditonjolkan oleh seseorang individu adalah produk budaya. Seseorang manusia tidak lahir sebagai lelaki atau perempuan tetapi dibentuk dan dibina oleh budaya untuk menjadi lelaki dan perempuan. Selari dengan pandangan Bhasin (2005), yang menyatakan bahawa maskuliniti dan femininiti adalah definisi sosial yang diberikan oleh masyarakat kepada lelaki dan perempuan bagi menunjukkan pembinaan sosial dalam sesebuah masyarakat.

Berdasarkan kajian Pascoe (2012), yang mengkaji ciri-ciri maskuliniti dengan menggunakan *male role norm inventory* yang menggunakan pendekatan Levant dan Richmond pada tahun 2007, mengutarakan bahawa antara ciri-ciri maskuliniti ialah kebencian terhadap homoseksual, ketakutan, berdikari, terdapat batasan emosional, fokus kepada pencapaian dan status, bebas terhadap hubungan seks, keagresifan dan mengelakkan sifat kewanitaan. Manakala bagi ciri-ciri femininiti, inventori yang digunakan ialah *feminine norm inventory* yang dikemukakan oleh Mahalik pada tahun 2005 menyatakan bahawa ciri-cirinya adalah seperti

menjaga penampilan, tubuh yang ideal (*thinness*), saling menyokong dalam perhubungan, domestik, sifat rendah diri dan kesopanan, prihatin dengan anak-anak, setia pada hubungan dan sentiasa mengekalkan penampilan dengan sanggup memperuntukkan wang untuk memperbaiki penampilan diri.

Hakikatnya pembinaan dan pembentukan ciri-ciri tersebut adalah bukan semulajadi yang mana ciri atau sifat yang dipersembahkan oleh lelaki atau wanita adalah berbeza dari segi budaya, sosial dan tingkah laku (Baker, 2008). Oleh itu wujud kepelbagaian dalam personaliti, kepercayaan, tingkah laku dan sikap individu dalam setiap budaya dan masyarakat. Justeru itu perbezaan menjadi maskulin dan feminin adalah terhasil daripada sosial dan ianya bukan milik gender tertentu. Seseorang yang terlebih atau terkurang maskulin dan terlebih atau terkurang feminin tidak boleh mengambil kira faktor dan perbezaan biologi (Holmes, 2007).

Jadual 1: Contoh stereotip gender dalam masyarakat

Aspek Identiti Gender	Keadaan Fizikal	Sifat	Pemikiran
Feminin	Cantik	Penuh kasih sayang	Imiginatif
	Seksi	Penuh rasa simpati	Berdasarkan intuisi
	Menawan	Lembut	Artistik
	Bersuara Lembut	Sensitif	Kemampuan berbicara
	Manis	Sentimental	Kreatif
	Kecil molek	Mudah bersosial	Penuh rasa cita
Maskulin	Atletis	Selalu ingin bersaing	Analisis
	Besar dan tegap	Kurang sensitive	Hebat dalam urusan yang melibatkan angka
	Berotot	Mendominasi	Abtrak (tidak artistik)
	Tinggi	Petualang	Pintar dalam memecahkan masalah secara logikhasilkan
	Bersuara tinggi	Agresif	Pandai memberi alasan
	Kuat	Berani	Tidak berdasarkan intuisi

Sumber: Alfian Rokhmansyah (2016)

Oleh yang demikian, ciri-ciri maskuliniti dan femininiti ialah produk budaya yang menghasilkan ciri-ciri gender yang terbentuk berdasarkan identiti dan stereotip gender yang telah diperkenalkan dalam setiap perkembangan individu. Perbezaan dalam pembentukan gender yang menghasilkan sifat atau ciri maskuliniti dan femininiti adalah berbeza mengikut budaya, merentasi masa dan tempat serta dipengaruhi oleh faktor bangsa dan seksualiti. Setelah itu, peranan gender mengambil tempat dalam sosial masyarakat bagi melengkapkan proses perkembangan gender.

d) Peranan dan Perbezaan Peranan Gender


Menurut Zgourides (2000), peranan gender juga adalah hasil budaya, bersifat personal dan mempunyai pembahagian antara lelaki dan perempuan yang memisahkan ruang antara kedua gender. Peranan gender sebenarnya mengatur bagaimana cara berfikir, berpakaian, berinteraksi dan bertingkah laku sesuai dengan konteks masyarakat yang didiaminya. Pembelajaran dalam melaksanakan peranan gender ini adalah proses sosialisasi yang berlaku kepada kanak-kanak sejak lahir hingga dewasa berdasarkan skema gender yang kuat melekat pada kerangka teori yang memberi definisi terhadap aspek-aspek maskuliniti dan femininiti. Peranan gender tersebut diajar oleh agen-agen sosialisasi seperti ibu bapa, guru, rakan dan media masa sepanjang hayat.

Apabila peranan gender sudah dikenalpasti, maka timbullah perbezaan peranan gender yang melahirkan stratifikasi sosial baru.

Nur M. Kasim (2012), juga menyatakan bahawa peranan gender merupakan peranan sosial yang ditentukan berdasarkan perbezaan jantina atau kelamin. Peranan ini membezakan kedudukan antara lelaki dan perempuan di dalam keluarga serta masyarakat. Perbezaan peranan diturunkan melalui budaya dari satu generasi ke generasi yang lain dan menjadi kepercayaan turun temurun serta diyakini sebagai sebuah ideologi. Walau bagaimanapun gender sebagai pembinaan sosial boleh berubah dan tidak kekal kerana boleh dipengaruhi oleh politik, masa, budaya, sosial dan ras. Contohnya mengasuh anak dan menguruskan rumahtangga adalah peranan dan tanggungjawab perempuan. Lelaki pula mencari nafkah dan memenuhi keperluan rumahtangga. Namun, peranan ini tidak mutlak dan boleh berubah menjadi sebaliknya sekiranya keadaan tidak mengizinkan atau dengan kesepakatan kedua belah pihak.

Maka perbezaan peranan gender wujud disebabkan oleh persepsi sosial tentang perbezaan antara lelaki dan perempuan yang masing-masing menjalankan tanggungjawab mengikut kesesuaian biologi tubuh. Walau bagaimanapun peranan gender boleh mengalami perubahan mengikut peredaran zaman, budaya, politik dan status sosial sesebuah masyarakat. Perkaitan kuasa antara kedua-dua istilah maskuliniti dan femininiti memerlukan pertimbangan kerana sebagai contoh terdapat juga tingkah laku maskulin yang dilakukan oleh perempuan dan juga sebaliknya. Sebagai contoh, wujud lelaki bersikap dan berpewatakan perempuan yang dinamakan *masculine femaleness* dan wanita berpewatakan dan bertingkah laku lelaki yang dinamakan *female masculine* (Jackson & Scott, 2002). Sepertimana satu kajian yang dilakukan oleh Skelton dan Francis (2002) yang mendapati bahawa pelajar lelaki di sekolah rendah bersifat *ladishness*, tidak berdaya saing dan mempunyai pencapaian yang lebih rendah berbanding pelajar perempuan. Sebaliknya pelajar perempuan menunjukkan prestasi yang jauh lebih baik berbanding pelajar lelaki dan mereka ingin membentuk sifat maskulin yang negatif seperti degil dan nakal.

Rajah 1: Carta alir pembentukan gender kanak-kanak sebagai pembinaan sosial



Sumber: Analisis Pengkaji

4. Kesimpulan

Secara tuntasnya, gender merupakan instrumen analisis untuk memahami persoalan-persoalan dan semua aspek-aspek yang berkaitan dengan jantina. Gender dilihat sebagai suatu pembinaan sosial kerana meliputi elemen-elemen seperti identiti gender, stereotaip gender, ciri-ciri maskulin dan feminin, peranan dan perbezaan peranan gender. Elemen-elemen ini berinteraksi secara berperingkat dalam kehidupan manusia untuk membentuk gender mengikut persepsi masyarakat dan adat budaya. Dalam perkembangan kanak-kanak, agen-agen sosialisasi perlu memainkan peranan terlebih dahulu dalam memperkenalkan identiti gender kepada mereka supaya dapat mengenali dan memahami identiti berdasarkan pengenalan jenis kelamin. Teori perkembangan kognitif dan teori pembelajaran sosial menjadi asas dalam pengenalan identiti dalam melahirkan kestabilan identiti gender. Dengan itu, persepsi masyarakat terhadap stereotaip gender boleh diselaraskan dengan penghayatan dan kestabilan identiti gender bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan dan kecelaruan gender. Seterusnya, tuntutan stereotaip gender yang dikehendaki masyarakat seperti ciri-ciri atau sifat maskulin bagi lelaki dan feminin bagi perempuan dapat dipenuhi dengan memainkan peranan yang berbeza mengikut jantina. Dengan kata lain, sifat maskulin dan feminin adalah suatu produk budaya kerana pembentukannya ditentukan oleh masyarakat dari satu generasi ke generasi lain berdasarkan nilai, adat dan persepsi masyarakat. Produk budaya yang terhasil melahirkan kestabilan dan

kesesuaian peranan gender berdasarkan jantina yang disosialisasikan oleh agen primer dan sekunder yang terlibat dalam menentukan perilaku, peranan, tanggungjawab dan tugas. Justeru itu, peranan-peranan gender yang selari dengan kehendak sosial, adat budaya dan agama dapat diimplimentasikan dengan jayanya tanpa konflik dalam sesebuah masyarakat kerana wujudnya perbezaan peranan gender. Walaubagaimanapun, konsep gender dan cara pembentukan gender dalam sesebuah masyarakat boleh berubah mengikut pengaruh, masa, budaya, sosial dan ras. Namun perbezaan dan perubahan tersebut bukanlah suatu isu selagi mana ia tidak mewujudkan ketidakadilan dan penindasan gender.

Rujukan

- Castelli, Elizabeth A., & Rodman, Rosamond C.. (2001). *Women, Gender, Religion: A Reader*. New York: Palgrave Macmillan.
- Alfian Rokhmansyah. (2016). *Pengantar Gender dan Feminisme: Pemahaman Awal Kritik Sastra Feminisme*. Yogyakarta: Garudhawaca.
- American Psychological Association. (2015). Guidelines for psychological practice with transgender and gender nonconforming people. *Am Psychol*, 70 (9), 832 - 864.
- Baker, P. (2008). *Sexed Text Language and Gender Sexuality*. London: Equinox Publishing.
- Berger, Peter L. & Luckman, T.. (1967). *The Social Construction of Reality*. Great Britain: Penguin Books.
- Berger, Peter L. & Luckman, T.. (1996). *The Sosial Construction of Reality: The Sosial Construction of Reality*. United States : Anchor Book.
- Bhasin, K. (2005). *Exploring Masculinity*. New Delhi: Women Unlimited.
- Browne, B. A. (1998). Gender stereotypes in advertising on childre's television in the 1990's: A cross-national analysis. *Journal of Advertising*, 27 (1), 83-97.
- Christine Skelton & Becky Francis. (2002). Clever Jack and Conscientious Chloe: Naturally able boys and hardworking girls in the classroom. *Paper presented at British Educational Research Association Annual Conference*. University of Exeter.
- David Graddol & Joan Swann. (1989). *Gender Voives*. Oxford: Blackwell.
- Fatimah Saguni. (2014). Pemberian stereotype gender. *Musawa* (6) 2, 195 - 224.
- Hatta Saidi. (30 Januari, 2013). *Seks dan Kesehatan Mental*. Retrieved from MyHealth Kementerian Kesehatan Malaysia: www.myhealth.gov.my
- Holmes, J. (2007). Social Constructionism, postmodernism, feminist sociolinguistic. *Gender and Language* 1 (1), 51 - 66 .
- Hurlock, E. B. (2009). *Psikologi Perkembangan: Suatu Pendekatan Rentang Kehidupan* (Istiwidayanti & Soedijarwo, Trans.) (5th ed.). Jakarta: Erlangga.
- Ihrom. (2004). *Bunga Rampai Sosiologi Keluarga*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- J. Dwi Narwoko & Bagong Suyanto. (2009). *Sosiologi: Teks Pengantar dan Terapan*. Jakarta: Kencana Peranada Media Group.
- Janu Arbain, Nur Azizah & Ika Novita Sari. (2015). Pemikiran gender menurut ahli: Telaah atas Pemikiran Amina Wadud Muhsin, Asghar Ali Engineer dan Mansour Fakih. *SAWWA*, (11) 1, 75-94.
- Jariah Mohd Jan. (2003). Code-switching for power wielding: Inter-gender discourse at the workplace . *Multilingua*, 22, 41 - 57.
- Kendell, D. (2010). *Sociology in our times* (7th ed.). United States of America: Wadsworth Cengage Learning.
- Kohlberg, L. (1966). A Cognitive-Developmental Analysis of Children's Sex Role Concepts and Attitudes. In E. E. Maccoby, *The Development of Sex Differences* (pp. 82-172). Stanford CA: Stanford University Press.
- Macnamara, J. R. (2006). *Media and male identity: The making and the remaking of men*. United States of America: Palgrave Macmillan.

- Manual Mengenai Bajet Gender di Malaysia.* (2006). Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Matsumo, D. (2004). *Pengantar Psikologi Lintas Budaya.* Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Mead, G. H. (2009). *Mind, self and society: From the standpoint of a social behaviorist (Charles W. Morris, Ed.).* Chicago: University of Chicago Press.
- Mitchell, J. (2000). *Psychoanalysis and Feminism: A Radical Reassessment Of Freudian.* New York: Basic Book.
- Mohd Anuar Ramli. (2010). Bias gender dalam masyarakat Muslim: Antara ajaran Islam dengan tradisi tempatan. *Jurnal Fiqh*, 7, 49 - 70.
- Moore, H. L. (1988). *Feminism and Anthropology.* Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Nandyose, H., Ruskin, L., Swan, M. & Tanner, Sopia. (2018). Early childhood development, gender socialization and men's engagement. *An Annotated Bibliography*, 2-12.
- Newman, L. K. (2002). Sex, Gender and Culture: Issues in the definition, assesment and treatmeant of gender identity disorder. *Child Psycholgy and Psychiatry*, 7, 352 - 359.
- Noresah, B. (2005). *Kamus Dewan* (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Azizah. (2014). Pengenalan identitas gender pada anak (Studi pada taman penitipan anak atau day care). *Yin Yang* (9) 1, 47 - 58.
- Nur M. Kasim. (2012). Perspektif Islam tentang gender. *Jurnal INOVASI* (9) 2.
- Pascoe, G. J. (2015). A qualitative textual and comparative analysis of the representation of masculinity in the action and romantic comedy genres. *Online Journal of Communication and Media Technologies* (5), 1 - 26.
- Riant Nugroho. (2005). *Gender dan Strategi Pengarus-Utamaannya di Indonesia.* Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ruzy Suliza Hashim. (2006). Meniti duri dan ranjau: Pembikinan gender dan seksualiti dalam konteks dunia Melayu. *Sari* 24, 15-34.
- Samovar, Larry A., Porter, Richard E. & McDaniel, Edwin R. (2007). *Communication Between Culture* (6th ed.). United States of America: Thomson Wadsworth.
- Santrock, J. W. (2009). *Child Development.* New York: McGraw-Hill.
- Saravanan P. Veeramuthu & Manonmani Devi M.A.R Annamalai. (2019). Gender dan ketidakadilan dalam novel Anthimakaalam. *MJSSH Online*, 3, 207 - 225.
- Schneider, D. J. (2004). *The Psychology Of Stereotyping.* New York: The Guilford Press.
- Situs Resmi. (30 Desember, 2003). Sosialisasi gender pada anak dalam keluarga. *Jurusan Pendidikan Luar Sekolah, Fakulti Ilmu Pendidikan.* Kota Padang , Negeri Padang , Indonesia : Universitas Negeri Padang .
- Skeat, W. W. (1993). *The Concise Dictionary of English Etymology.* Hertfordshire, UK: Wordsworth Editions.
- Soenarjati Djajanegara. (1995). *Citra Wanita dalam Lima Novel Terbaik Sinclair Lewis dan Gerakan Wanita di Amerika.* Depok: Universitas Indonesia.
- Stets, Jan E. & Burke, Peter J. (2000). Identity theory and social identity theory. *Social Psychology Quartely*, 63, 224-237.
- Stevi Jackson & Sue Scott. (2002). *Gender: A Sociological Reader.* New York: Routledge.
- West, C. & Zimmerman, Don H. (1987). Gender and Society (1) 2. *Sociologists for Women in Society*, 125-151.
- Wilson, H. T. (1989). *Sex and Gender: Making Cultural Sense of Civilization.* Netherlands: Library of Congress.
- Zgourides, G. D. (2000). *Sociology: Cliffquickreview.* United State of America: IDG Books Review, Inc.